



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP4: GARIS PANDUAN PELANTIKAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

**DIKELUARKAN PADA 1 SEPTEMBER 2024
NO. RUJUKAN: SKM.IP.(AM): 7950 JLD.5**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN A : PENGENALAN	1
<ul style="list-style-type: none">• TUJUAN• TAFSIRAN• LATAR BELAKANG	
BAHAGIAN B : PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	3
<ul style="list-style-type: none">• PELANTIKAN• KESESUAIAN DAN KELAYAKAN• TEMPOH PELANTIKAN• HILANG KELAYAKAN	
BAHAGIAN C : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB, KUASA, TATAETIKA DAN PERANAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	5
<ul style="list-style-type: none">• TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB• KUASA• TATAETIKA• PERANAN DAN HUBUNGAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN JURUAUDIT LUAR	
BAHAGIAN D : KEKOSONGAN DAN PENAMATAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	9
<ul style="list-style-type: none">• KEKOSONGAN JAWATAN• PELETAKAN JAWATAN• PENAMATAN JAWATAN	
BAHAGIAN E : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	11

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mengeluarkan garis panduan sebagai panduan dan rujukan bagi pemakaian seksyen 42A Akta 502 berkenaan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) yang hendaklah diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil dalam memastikan JAD dilantik sewajarnya dan menjalankan fungsi dengan cekap dan berkesan.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“koperasi keluarga” ertinya koperasi yang anggotanya terdiri daripada anggota keluarga tertentu atau seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil koperasi;

“pegawai” ertinya mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta 502;

“penyata kewangan” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 [PPK 2010]; dan

“saudara” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah subseksyen 51(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

LATAR BELAKANG

3. Sistem kawalan dalaman yang berkesan dan pengurusan risiko yang teguh hendaklah disokong oleh fungsi audit dalaman yang berkesan dengan memberi penilaian bebas terhadap kesempurnaan dan pematuhan dasar dan prosedur yang telah diwujudkan. JAD berperanan penting dalam sistem tadbir urus koperasi berkaitan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko kerana ia berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi petunjuk terhadap pematuhan ke atas undang-undang, dasar dan prosedur sedia ada.

4. Bidang Tujahan ke-2, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) memberi fokus kepada pemantapan sistem perundangan dan struktur governan koperasi yang mana antaranya adalah mewujudkan sistem semak dan imbang ke atas anggota Lembaga, JAD dan pengurusan koperasi.

5. JAD seharusnya berfungsi membantu koperasi mencapai tujuannya dengan menilai keberkesanan pelbagai aspek koperasi seperti kewangan, operasi dan pematuhan serta menambah nilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan, tadbir urus dan tahap operasi koperasi.

6. Bagi memastikan JAD dapat mencapai objektif audit secara bebas, Lembaga perlu memastikan jawatankuasa tersebut diberi akses kepada rekod dan maklumat serta diberikan kedudukan yang sesuai dalam struktur organisasi koperasi.

BAHAGIAN B : PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

PELANTIKAN

7. Pelantikan JAD hendaklah dibuat dengan teliti bagi menjalankan fungsinya dalam memastikan pengurusan koperasi menjadi lebih cekap dan berintegriti.
8. Lembaga hendaklah melantik sewajarnya JAD dalam kalangan anggota sepertimana peruntukan subseksyen 42A(1) Akta 502 yang terdiri daripada tidak kurang daripada **dua (2) orang** dan tidak lebih daripada **lima (5) orang anggota**.
9. Pelantikan JAD hendaklah diminitkan sewajarnya dalam mesyuarat Lembaga yang memutuskan pelantikan JAD tersebut. Pemakluman pelantikan JAD dikeluarkan oleh koperasi secara bertulis dengan menjelaskan tempoh pegangan jawatan, penamatan jawatan, kuasa, tugas, dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.
10. JAD yang dilantik hendaklah melantik seorang ketua dalam kalangan mereka.
11. Subseksyen 42A(3) Akta 502 memperuntukkan bahawa anggota JAD tidaklah termasuk takrifan “pegawai” dalam seksyen 2 Akta 502.

KESESUAIAN DAN KELAYAKAN

12. Lembaga disaran untuk mempertimbangkan pelantikan JAD dalam kalangan anggota yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah akaun perdagangan dan akaun untung rugi, akaun pembahagian, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
13. JAD yang dilantik hendaklah tidak mempunyai pertalian saudara dengan anggota Lembaga dan pengurusan koperasi, yang mana hasilnya boleh memberi

kesan kepada kepentingan Lembaga dan pengurusan koperasi atau menjejaskan atau dianggap menjejaskan objektiviti dan penilaian saksama JAD. Walau bagaimanapun, kriteria ini tidak terpakai kepada koperasi yang kumpulan sasarannya adalah dalam kalangan keluarga.

14. Selaras dengan kehendak **GP5: Garis Panduan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Untuk Menghadiri Modul Wajib Pendidikan dan Latihan**, JAD yang dilantik hendaklah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam mengendalikan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan **melalui pendidikan dan latihan secara berterusan**.

TEMPOH PELANTIKAN

15. Tempoh perkhidmatan JAD sepertimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 22(1) PPK 2010 adalah **satu (1) tahun** dan boleh dilanjutkan pada setiap tahun berdasarkan prestasi JAD yang dinilai oleh Lembaga.

HILANG KELAYAKAN

16. Seseorang anggota tidak layak dipilih atau kekal sebagai anggota JAD sesuatu koperasi, jika dia—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta 502;
- (b) telah ditamatkan sebagai seorang pegawai koperasi;
- (c) telah hilang kelayakan di bawah Akta 502 atau telah berhenti menjadi anggota menurut Undang-Undang Kecil koperasi;
- (d) menjadi anggota Lembaga koperasi itu;
- (e) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam koperasi itu; atau
- (f) mempunyai apa-apa hutang yang tertunggak melebihi **enam (6) bulan** daripada mana-mana koperasi atau institusi kewangan yang berlesen.

BAHAGIAN C : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB, KUASA, TATAETIKA DAN PERANAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

17. Koperasi hendaklah menyediakan manual audit dalaman sebagai rujukan dan panduan kepada JAD dalam menjalankan peranannya.

18. Tugas dan tanggungjawab oleh JAD yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil sepertimana kehendak subseksyen 42A(2) Akta 502, termasuklah—

- (a) meluluskan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
- (b) memastikan koperasi mempunyai serta mematuhi dasar dan prosedur mengenai kawalan dalaman yang berkesan;
- (c) memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, juruaudit dalam dan pandangan Suruhanjaya;
- (d) memeriksa akaun koperasi pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil;
- (e) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan serta mengkaji dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan;
- (f) menyiasat perkara-perkara yang diarahkan oleh Lembaga;
- (g) menyemak laporan Audit Dalaman bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil;
- (h) memaklumkan Lembaga apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan koperasi dengan serta-merta;
- (i) mengadakan mesyuarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil; dan

- (j) mengemukakan laporan dan syor bertulis mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil kepada Lembaga sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil.

19. Skop audit dalaman perlu merangkumi audit kewangan, audit pengurusan, audit pematuhan, audit teknologi maklumat, audit operasi, audit prestasi, audit kualiti, audit syariah dan lain-lain mengikut kewajaran skop dan risiko meliputi semua operasi dan keperluan semasa koperasi.

20. Bagi hal ehwal yang berkaitan dengan pematuhan syariah, JAD boleh mengundang mana-mana orang yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang syariah untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud memberikan nasihat kepadanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan.

21. Sekiranya koperasi yang mempunyai unit audit dalaman atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman, JAD perlu memastikan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab berikut:

- (a) menyediakan struktur organisasi, peranan dan kuasa audit dalam yang jelas;
- (b) mengemukakan rancangan kerja audit dalaman tahunan berasaskan kewajaran skop dan risiko yang merangkumi objektif, skop, metodologi, tatacara, pasukan audit dan tempoh pengauditan;
- (c) mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman koperasi;
- (d) menyemak pelaksanaan kuasa dan kesahan bagi segala aktiviti koperasi seperti kuasa melulus pinjaman dan perbelanjaan;
- (e) memeriksa akaun-akaun koperasi pada lat-lat masa yang ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil; dan
- (f) mengemukakan kepada JAD laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pematuhan terhadap Akta, peraturan-peraturan atau Undang-Undang Kecil.

22. Koperasi disarankan untuk mengambil langkah-langkah bagi mewujudkan fungsi audit dalaman yang berasingan daripada JAD.

23. JAD boleh, tertakluk kepada kelulusan Lembaga, dibayar upah tetapi amaun upah itu tidak boleh melebihi belanjawan yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung.

KUASA

24. JAD hendaklah mempunyai kuasa yang diberikan oleh Lembaga untuk—

(a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi dan subsidiarinya, jika ada; dan

(b) memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan,

bagi memastikan hal-ehwal dan perniagaan koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, peraturan-peraturan, arahan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain, keputusan mesyuarat agung dan mesyuarat Lembaga.

TATAETIKA

25. JAD hendaklah menjalankan tugas dengan berfungsi secara bebas daripada Lembaga dan pengurusan koperasi. Oleh itu, JAD pada setiap masa dalam melaksanakan kuasa, kewajipan dan tanggungjawabnya hendaklah berpegang kepada prinsip tataetika berikut:

(a) **Integriti**

Integriti juruaudit dalaman membentuk kepercayaan kepada pemegang taruh yang menjadi asas bagi kebergantungan terhadap pertimbangan mereka.

(b) **Keobjektifan**

JAD perlu menunjukkan tahap keobjektifan profesional tertinggi dalam pengumpulan, penilaian, dan penyampaian maklumat berkaitan aktiviti atau proses yang sedang dikaji. JAD perlu membuat penilaian yang seimbang tentang semua keadaan berkaitan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan diri atau pihak lain dalam membuat pertimbangan. Sikap berkecuali membolehkan JAD melaksanakan tugas dan kewajipannya dengan penuh yakin dan tanpa menjejaskan pertimbangan dan hasil pengauditan.

(c) **Kerahsiaan**

JAD perlu berhati-hati dalam penggunaan dan perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas dan kewajipannya. JAD perlu menghormati nilai dan hak ke atas maklumat yang diterima dan tidak mendedahkan maklumat tanpa kebenaran melainkan dengan keperluan undang-undang atau profesional untuk berbuat demikian. JAD juga tidak boleh menggunakan maklumat untuk sebarang faedah peribadi atau dalam apa cara yang melanggar undang-undang atau menjejaskan objektif pengauditan.

(d) **Kecekapan / Kompetensi**

JAD menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman yang perlu dalam melaksanakan khidmat audit dalaman. JAD perlu berkeupayaan mengaitkan prosedur dan amalan kepada keperluan standard. Kompetensi JAD boleh dicapai dengan gabungan latihan, pengalaman langsung, dan pendidikan berterusan.

PERANAN DAN HUBUNGAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN JURUAUDIT LUAR

26. JAD dan juruaudit luar mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam koperasi.

27. JAD dan juruaudit luar perlu menyelaraskan kerja mereka dalam menentukan perkara yang material yang perlu diberi tumpuan dan keutamaan. Audit dalaman dan luaran adalah rujukan penting kepada Lembaga di mana laporan dan dapatan mereka boleh digunakan sebagai pengawasan bebas terhadap maklumat berkaitan operasi dan prestasi koperasi.

BAHAGIAN D : KEKOSONGAN DAN PENAMATAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

KEKOSONGAN JAWATAN

28. Subperaturan 22(2) PPK 2010 memperuntukkan apa-apa kekosongan dalam JAD bagi apa-apa sebab, hendaklah diisi oleh Lembaga dalam masa **tiga puluh (30) hari** dari tarikh pengosongan jawatan itu dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

PELETAKAN JAWATAN

29. Seseorang JAD boleh mengosongkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga dalam masa **empat belas (14) hari** sebelum tarikh peletakan jawatannya itu.

30. Keputusan menerima atau menolak permohonan peletakan jawatan oleh JAD hendaklah dibuat oleh Lembaga dalam mesyuarat Lembaga terawal selepas penerimaan notis itu.

PENAMATAN JAWATAN

31. Seseorang atau kesemua JAD boleh ditamatkan jawatannya oleh Lembaga jika dia—

- (a) gagal untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil;
- (b) gagal memelihara kerahsiaan maklumat perniagaan dan anggota koperasi;
- (c) menggunakan maklumat koperasi untuk kepentingan peribadi; atau
- (d) melakukan perkara yang memudaratkan kepentingan koperasi.

Tatacara Penamatan Jawatan

32. Lembaga hendaklah memulakan inkuiri dalaman ke atas mana-mana atau kesemua JAD yang telah gagal menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Proses inkuiri dalaman dilaksanakan untuk mendapatkan fakta dan kebenaran terhadap sesuatu dakwaan yang dikenakan terhadap anggota JAD itu, di mana fakta ini akan seterusnya dipertimbangkan oleh Lembaga sebelum memberikan syor-syor yang adil dan sesuai mengikut fakta-fakta yang diperolehi di dalam sesi inkuiri dalaman.

33. Lembaga hendaklah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab ke atas anggota JAD itu di mana ia mengandungi butiran anggota JAD, dakwaan yang jelas, rujukan klausa dasar atau peraturan, tempoh masa menjawab dan sebagainya. Surat Tunjuk Sebab tersebut hendaklah dalam tempoh **dua puluh satu (21)** hari dijawab oleh anggota JAD tersebut secara bertulis mengapa jawatannya tidak boleh ditamatkan.

34. Lembaga melalui mesyuaratnya yang paling terhampir atau suatu mesyuarat Lembaga khas selepas tempoh Surat Tunjuk Sebab itu, menimbang dan membuat keputusan perihalan penamatan anggota JAD tersebut.

35. Anggota JAD itu hendaklah diberikan peluang yang munasabah untuk didengar dan membela diri dalam mesyuarat Lembaga tersebut. Lembaga juga boleh meminta apa-apa pernyataan lanjut atau keterangan tambahan daripada mana-mana orang lain.

36. Lembaga, setelah mesyuarat yang diadakan itu hendaklah secara bertulis memaklumkan kepada anggota JAD tersebut dalam tempoh **tujuh (7) hari** selepas mesyuarat Lembaga akan keputusan penamatannya serta memaklumkan bahawa anggota JAD tersebut—

- (a) berhenti menjalankan segala hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota JAD koperasi itu; dan
- (b) terhenti menerima apa-apa upah.

37. Jika penamatan anggota JAD tersebut tidak disahkan oleh mesyuarat Lembaga, Lembaga hendaklah—

- (a) mengekalkan jawatan anggota JAD tersebut; dan
- (b) dibayar serta-merta apa-apa upah yang sepatutnya kena dibayar kepadanya.

BAHAGIAN E : PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

37. Garis panduan ini terpakai kepada semua koperasi. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, peraturan-peraturan, perintah, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

38. Dengan penguatkuasaan garis panduan ini, GP4: Garis Panduan Pelantikan dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman bertarikh 06 Mac 2009 adalah **DIBATALKAN**.

39. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 September 2024**.